

CNS7075

R GR 20-04 00184 RH976

AAR

Mahathir - Zimbabwe
PERDANA MENTERI MELAWAT ZIMBABWE

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai satu rombongan yang terdiri daripada 60 orang pegawai kanan dan wakil sektor swasta untuk melakukan lawatan rasmi lima hari ke Zimbabwe mulai 27 April ini.

Lawatan Dr Mahathir antara lain bertujuan memperkukuhkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir yang akan diiringi Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasnah Mohamed Ali akan berunding dengan Presiden Robert Mugabe mengenai isu-isu dua hala dan isu kepentingan bersama.

Lawatan Dr Mahathir itu merupakan lawatan rasmi pertamanya ke Zimbabwe. Pada 1991 beliau melawat Harare untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Halim Ali memberitahu persidangan akhbar di sini, hari ini, rundingan Dr Mahathir dengan Mugabe dan para pegawai kanan Zimbabwe lain akan tertumpu kepada usaha bagi memperkukuhkan lagi hubungan dua hala dan perdagangan.

Kedua-dua orang pemimpin itu akan saling bertukar pandangan berhubung G-15, Komanwel dan perkembangan mutakhir di Afrika Selatan. -- Lagi.

♥20/04/16-17MST

CNS7077

R GR 20-04 00152 RH977

AAR

Mahathir - Zimbabwe 2 Kuala Lumpur

Kedua-dua orang pemimpin itu akan menyaksikan penandatanganan tiga perjanjian iaitu berhubung mengelak cukai dua kali, perjanjian jaminan pelaburan dan perjanjian perkhidmatan udara.

Yang turut bersama rombongan Dr Mahathir ialah Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Kumpulan sektor swasta akan diketuai tokoh bank dan korporat Tan Sri Azman Hashim.

Abdul Halim berkata, kehadiran bilangan besar wakil sektor swasta Malaysia dalam rombongan Perdana Menteri itu mencerminkan kesungguhan Malaysia untuk mempererat lagi kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan Zimbabwe.

Kini jumlah perdagangan antara kedua-dua negara adalah kecil iaitu sebanyak RM19.4 juta pada 1993 dengan imbuhan perdagangan yang menguntungkan Malaysia.

Eksport Malaysia yang berjumlah RM12 juta ke Zimbabwe ialah barangan utama termasuk getah asli, koko, barangan petroleum manakala importnya pula ialah tembakau, asbestos dan barangan keluli.

Kemuncak lawatan Dr Mahathir itu ialah perasmian Posta Perdagangan Antarabangsa Zimbabwe oleh Dr Mahathir, yang pertama oleh seorang pemimpin benua Afrika di Bulawayo, 450 kilometer dari Harare.

Sejumlah 15 buah negara akan menyertai ekspo perdagangan itu dan Malaysia diwakili empat belas buah syarikat.

Antaranya ialah Sime Darby, Edaran Otomobil Malaysia (ECM), Berjaya Group, HMM Corporation, Silver Stone Tyre and Majlis Eksport dan Promosi Minyak Sawit.

Abdul Halim berkata, beberapa syarikat dari Malaysia sedang berusaha mendapatkan kontrak bagi melaksanakan projek raksasa di Zimbabwe, termasuk pembinaan lapangan terbang oleh YTL, perhubungan oleh TRT dan pembekalan 300,000 tan metrik barangan petroleum oleh Petco. -- Bernama.

ZSKAM.